

Pedagogi Kontemporari

Penyusun

SHAMSUL AIZUWANI NAWI, PhD

© MK e-Solutions Sdn. Bhd.
ISBN 978-967-19311-3-4
Terbitan Pertama & Kedua: 2021

PENYUSUN
SHAMSUL AIZUWANI NAWI

PENILAI
NOORASHIKIN BINTI EDIN, PhD

EDITOR
YUZNAILI BINTI SALLEH, PhD

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan dicetak atau disalin semula, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan kembali, diedarkan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada bentuk elektronik, salinfoto, rakaman atau dengan cara apa jua pun, tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada MK e-Solutions Sdn. Bhd., Malaysia.

Kesahihan fakta dan tafsiran dalam terbitan ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.

Cataloguing-in-Publication Data **Perpustakaan Negara Malaysia**
Pedagogi Kontemporari / Penyusun SHAMSUL AIZUWANI NAWI ; Editor
YUZNAILI BINTI SALLEH.

ISBN 978-967-19311-3-4

- | | |
|---------------------------|-----------------------------------|
| 1. Teaching--Methodology. | 2. Education--Study and teaching. |
| 3. Effective teaching. | 4. Educational innovations. |

I. Shamsul Aizuwani Nawi, 1976-. II. Yuznaili Salleh. 1966-
371.10

Penerbit:

MK e-Solutions Sdn. Bhd. (803687-K)

6th Floor, Suite 16, IOI Business Park Persiaran Puchong Jaya Selatan Bandar Puchong Jaya,
47100 Puchong Selangor. Malaysia. Tel: +603 80644228. Fax: +603 80642050
Website: <http://www.mke-solutions.com> Email: enquiries@mke-solutions.com

Dengan Kerjasama:

**Penerbit IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur Koperasi IPGKBM
Berhad (KOWARIS)**

Lingkungan Budi. 59100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Malaysia
Email: penerbit@ipgkbm.edu.my

Dicetak oleh:

CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd

No.16, Persiaran Rishah 14, Kawasan Perindustrian Silibin, 30100 Ipoh, Perak. Malaysia
Tel : +605-5262627 Fax : +605-5262205



KANDUNGAN

Kandungan	i
Senarai Rajah	v
Senarai Jadual	vii
Kata Alu-aluan Pengarah IPG Kampus Bahasa Melayu	viii
Prakata	ix
BAB 1: KAPASITI PEDAGOGI PEMBELAJARAN BERMAKNA (NEW PEDAGOGIES FOR DEEP LEARNING (NPDL))	
Pengenalan	1
Konsep NPDL	2
Pembelajaran Bermakna (<i>Deep Learning</i>)	4
Kompetensi Pembelajaran Bermakna - 6C	4
● Sahsia (<i>Character</i>)	
● Kewarganegaraan (<i>Citizenship</i>)	
● Kolaboratif (<i>Collaboration</i>)	
● Komunikasi (<i>Communication</i>)	
● Kreativiti (<i>Creativity</i>)	
● Pemikiran kritis (<i>Critical thinking</i>)	
Komponen dalam NPDL	6
Pelaksanaan NPDL	7
Langkah-langkah melaksanakan NPDL dalam PDP	10
● Merungkai dan merangkai standard	
● Menjana idea utama (<i>Big Idea</i>) bagi mata pelajaran atau kursus	
● Membina soalan utama (<i>Essential Question EQ</i>) untuk mencetuskan idea berkaitan <i>Big Idea</i>	
● Menyediakan soalan tugas yang merangkumi tugas, pentaksiran, bukti pentaksiran dan pelan pembelajaran.	
● Merancang dan menyediakan pelan pelaksanaan tugas	
Pentaksiran dalam NPDL	15
Penutup	16
BAB 2: PEDAGOGI TERBEZA	
Pengenalan	18
Konsep Pedagogi	19
Pedagogi Terbeza	21



Elemen-elemen Pengajaran Terbeza	22
● Kandungan	
● Proses	
● Produk	
● Persekitaran	
Asas Pelaksanaan Pengajaran Terbeza	25
● Dokumen Rujukan	
● Pembangunan Komuniti	
● Kelenturan Kumpulan	
● Kesesuaian Tugas	
● Pentaksiran Berterusan	
Faktor Pelaksanaan Pedagogi Terbeza	30
● Kepelbagaian Jenis Sekolah	
● Budaya dan Persekitaran Pembelajaran Murid	
● Kesiediaan dan Motivasi Belajar Murid Yang Tidak Sama	
● Perbezaan Keupayaan Kognitif, Afektif, dan Psikomotor Murid	
● Bakat dan Kecenderungan Murid Yang Berbeza	
● Profil dan Gaya Pembelajaran Murid Yang Berbeza	
● Murid Mempunyai Kecerdasan Yang Pelbagai	
Kebaikan Pedagogi Terbeza	34
Reka Bentuk Pengajaran Terbeza	34
Pola Pengajaran Terbeza	36
Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran Terbeza	37
Penutup	41

BAB 3: PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pengenalan	47
Konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	48
Objektif dan Ciri-Ciri PBD	50
Pelaksanaan dan Aspek Pentaksiran PBD	52
Konteks Pelaksanaan PBD	55
● Pemansuhan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun	
● Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	
● Pentaksiran secara berterusan	
● PdP berpusatkan Murid	
● Kemahiran 4M (Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul)	
● Sokongan kepada sekolah yang mempunyai lebih 40 orang murid dalam satu kelas	
● Pengasingan kelas ditiadakan	
● Autoriti kepada sekolah untuk saringan murid tidak menguasai 3M	
● Laporan dalam bentuk Tahap Penguasaan (TP)	
● Integriti Guru	
Penutup	60

BAB 4: PEMIKIRAN KOMPUTASIONAL DALAM PENDIDIKAN

Pendahuluan	62
Sejarah Pemikiran Komputasional	63
Definisi Pemikiran Komputasional	64
Konsep-konsep Pemikiran Komputasional	64
● Leraian (Decomposition)	
● Pengecaman Corak (Pattern)	
● Peniskalaan (Abstraction)	
● Algoritma	
Pengintegrasian Pemikiran Komputasional Dalam Pendidikan	70
Penutup	76

BAB 5 : PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU ABAD KE-21

Pengenalan	79
Konsep PAK21	81
Pembelajaran Abad ke-21	82
● Komponen dalam PAK21	
● 10 ciri Pembelajaran Abad Ke-21	
Bilik Darjah Abad Ke-21	85
Pembelajaran Bahasa Melayu Abad ke-21	88
Kelebihan Pembelajaran Bahasa Melayu Abad Ke-21	89
Pentaksiran Bilik Darjah dalam Pembelajaran Abad Ke-21 berdasarkan mata pelajaran Bahasa Melayu	94
Penutup	96

BAB 6: DIDIK HIBUR DAN PENGINTEGRASIAN KEMAHIRAN BERNILAI TAMBAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA

Pendahuluan	103
Seni Bahasa sebagai strategi PdP	104
Konsep “Didik Hibur” Dalam Pengajaran Bahasa	106
Aktiviti Strategi Didik Hibur	107
● Aktiviti Nyanyian	
● Aktiviti Bercerita	
● Aktiviti Lakonan	
● Aktiviti Melafaz dan Mempersembahkan Puisi	
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Menggunakan Didik Hibur	110
Elemen Kemahiran Bernilai Tambah dalam PdP Bahasa Melayu	111
Justifikasi Pemilihan Didik Hibur dan Pengintegrasian KBT dalam PdP Bahasa Melayu	114



Beberapa Justifikasi Pemilihan Strategi Didik Hibur Dalam PdP Bahasa Melayu	114
Pengajaran Puisi dengan Strategi Seni Bahasa Didik Hibur	117
Penggunaan Bahan Puisi Untuk Mengajar Seni Bahasa	118
Penutup	119

BAB 7: TULISAN JAWI : PERKEMBANGAN DAN CABARAN DALAM PENDIDIKAN.

Pengenalan	122
Sejarah dan Perkembangan Tulisan Jawi	124
Kajian Berkaitan dengan Penggunaan Tulisan Jawi	128
Isu dan Cabaran Memartabatkan Tulisan Jawi dalam Pendidikan	129
Penutup	132

SENARAI PENYUMBANG MAKALAH	135
-----------------------------------	------------



SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 Perbandingan pedagogi lama dengan pedagogi baharu
Adaptasi daripada “*A Rich Seam: How Pedagogies Find Deep Learning*” oleh Fullan & Langworthy (2014). ms 3.
- Rajah 1.2 Konsep pembelajaran bermakna
Kementerian Pendidikan Malaysia (2018).
Bahan ceramah kursus NPD, IPGM: Cyberjaya.
- Rajah 1.3 Komponen utama kapasiti pedagogi
Adaptasi daripada “*A Rich Seam: How Pedagogies Find Deep Learning*” oleh Fullan & Langworthy (2014). ms 11.
- Rajah 1.4 Matlamat dan teras TS25
Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) Modul Transformasi Sekolah 2025
- Rajah 1.5 Contoh-contoh projek NPD
- Rajah 1.6 Contoh Projek NPD sekolah.
Projek NPD SMK Pengkalan Hulu yang dipamerkan dalam *Showcase*
- Rajah 1.7 Templet borang KmR. IPGM, KPM (2018).
- Rajah 2.1 Elemen-elemen Pembezaan Pengajaran Terbeza
- Rajah 2.2 Reka bentuk Pengajaran Terbeza
- Rajah 3.1 Aktiviti PBD
- Rajah 3.2 Huraian Ringkas Aktiviti PBD
- Rajah 4.1 Teknik Leraian
- Rajah 4.2 Beberapa corak atau ‘pattern’
- Rajah 4.3 Beberapa Teknik Peniskalaan (Abstraction) dalam Pemikiran Komputasional
- Rajah 4.4 Carta alir
- Rajah 4.5 Komponen-komponen Baharu yang Diterapkan ke dalam Kandungan KSSR (Semakan) 2017
- Rajah 4.6 Tajuk karangan: Ciri-ciri rumah idaman saya



- Rajah 5.1 Kerangka Konsep PAK 21
- Rajah 6.1 Elemen Kemahiran Bernilai Tambah dalam Aktiviti Seni Bahasa Didik Hibur
- Rajah 6.2 Kemahiran Bahasa dalam Seni Berbahasa
- Rajah 6.3 Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kreatif
- Rajah 6.4 Aktiviti Teknik Bercerita
- Rajah 6.5 Sesi Pengajaran Menggunakan Elemen Didik Hibur
- Rajah 6.6 Elemen Kemahiran Bernilai Tambah dalam PdP Bahasa Melayu
- Rajah 6.7 Justifikasi Pemilihan Strategi Didik Hibur Dalam PdP Bahasa Melayu

SENARAI JADUAL

- | | |
|------------|---|
| Jadual 2.1 | Pola Pengajaran Terbeza |
| Jadual 3.1 | Tahap Penguasaan PBD |
| Jadual 4.1 | Beberapa Komponen dalam Pemikiran Komputasional mengikut tokoh |
| Jadual 6.1 | Penggunaan bahan puisi (tradisional dan moden) yang digunakan untuk mengajar Seni Bahasa Mengikut Tahun KSS |

KATA ALU-ALUAN

Pengarah

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat-Nya kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, IPG Kampus Bahasa Melayu telah berjaya menerbitkan buku Pedagogi Kontemporari. Penerbitan buku ini sangat bertepatan dengan arus perubahan dalam sistem pendidikan negara. Hal ini kerana buku ini memuatkan elemen-elemen terkini dalam bidang pendidikan negara seperti *New Pedagogies for Deep Learning* (Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna), Pembelajaran Bermakna, Pedagogi Terbeza, Tulisan Jawi, Pentaksiran Bilik Darjah, dan Pemikiran Komputasional. Buku ini merupakan himpunan artikel yang dimuatkan dalam bab-bab berkaitan pedagogi dan pendidikan. Kompilasi artikel yang dimuatkan dalam buku ini merupakan hasil tinta daripada pensyarah Institut Pendidikan Guru Bahasa Melayu berdasarkan kepakaran mereka daripada pelbagai disiplin ilmu. Semoga rangkuman artikel yang dimuatkan dalam buku ini dapat memberi manfaat kepada semua warga pendidik. Usaha murni ini dilaksanakan demi mendokong dan menyokong visi serta misi Institut Pendidikan Guru Bahasa Melayu sebagai peneraju kecemerlangan Pendidikan Bahasa Melayu.

Penerbitan buku Pedagogi Kontemporari juga merupakan hasil jalinan kerjasama Penerbit Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu dengan Penerbit MKE yang berpengalaman luas dalam penerbitan dan pengedaran buku-buku genre pendidikan. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada panel penulis, penyelenggara dan pihak penerbit atas jalinan kerjasama sehingga cetusan idea penerbitan buku ini dapat dijelmakan. Semoga dengan penerbitan buku ini dapat menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti bagi memenuhi kesepadanan dan keperluan masyarakat berpengetahuan dalam abad ke-21.

Sekian, selamat maju jaya

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



.....
(HAJAH NOR ASILAH BINTI OSMAN B.C.K)

Pengarah

IPG Kampus Bahasa Melayu

PRAKATA

Pendidikan di Malaysia menjangah arus perubahan selari dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Dasar dan polisi sentiasa disemak serta pembaharuan pendidikan direncanakan dan dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan proses dan pengendalian dalam PdPc di sekolah. Begitu juga, kurikulum sentiasa disemak, dipantau dan dikemas kini untuk memastikannya sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Hal ini bagi menyediakan rakyat Malaysia yang mampu membawa pembaharuan dan berdaya saing dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, pendidikan dan teknologi. Bagi menghadapi cabaran globalisasi, Kementerian Pendidikan melihat bahawa rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan serta latihan yang kukuh dan mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan dalam berkomunikasi, menguasai pelbagai bahasa, berfikiran kritis dan berinovatif.

Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah berusaha mewujudkan kemahiran abad ke-21 ke dalam semua mata pelajaran di sekolah. Oleh itu, kurikulum pendidikan di Malaysia haruslah sentiasa mengikut peredaran zaman untuk memastikan pelajar yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan malah menguasai kemahiran abad ke-21 bagi menghadapi cabaran era globalisasi pada masa ini. Pada masa yang sama penambahbaikan dilakukan dalam aspek memperkukuh elemen-elemen pengajaran dan pembelajaran termasuk pengenalan kapasiti pembelajaran bermakna, penerapan nilai, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) serta pemikiran komputasional. Elemen baharu yang diterapkan dalam pendidikan masa kini memberi penekanan terhadap reka bentuk kurikulum serta kaedah pentaksiran yang mampu melahirkan insan yang seimbang, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif selain memberi peluang setiap murid melibatkan diri dalam setiap aktiviti pembelajaran.

Oleh itu, kandungan buku ini merupakan himpunan ilmiah makalah yang membicarakan tentang elemen terkini dalam pendidikan. Kepelbagaian sorotan makalah dan topik yang ditulis oleh barisan penulis serta sarjana

dalam pelbagai bidang pendidikan. Kelebihan buku ini dipaparkan melalui konteks perbincangan yang meliputi elemen dan terkini selaras dengan pelaksanaan PPPM dan semakan semula kurikulum KSSR dan KSSM dalam pendidikan di negara ini. Penerangan yang terkandung dalam buku ini juga ringkas dan disertai gambar, grafik serta rajah yang bersesuaian sebagai rujukan para pendidik yang bergelumang dalam arus pendidikan masa kini. Kandungan buku ini amat membantu guru-guru mengenali elemen dan keperluan terkini pendidikan seperti yang termaktub dalam PPPM. Buku ini juga amat sesuai dan relevan untuk digunakan sebagai rujukan pelajar dalam bidang pendidikan di institusi pendidikan tinggi, guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) termasuk peserta kursus bidang pendidikan. Selain itu, buku ini juga amat sesuai untuk para pentadbir dalam bidang pendidikan, pensyarah-pensyarah di IPG dan IPTA serta seluruh warga pendidikan.

Dalam buku ini, huraian dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama menghuraikan 'Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna' atau *New Pedagogies for Deep Learning* (NPDL) yang bermaksud satu model perkongsian pembelajaran baharu di antara dan dalam kalangan pelajar dan guru yang bertujuan untuk mencapai matlamat pembelajaran yang mendalam melalui akses digital. Pembelajaran Bermakna ialah pembelajaran berkualiti yang akan kekal sebagai pengetahuan seseorang sepanjang kehidupan. Pembelajaran ini dapat meningkatkan pelibatan pelajar melalui keindividuan (*personalization*) dan kepunyaan (*ownership*). Pembelajaran bermakna adalah proses memperoleh enam kompetensi global iaitu sahsiah, kewarganegaraan, kolaboratif, komunikasi, kreativiti dan pemikiran kritis. Kompetensi-kompetensi ini merangkumi elemen belas kasihan, empati, sosio-emosi, keusahawanan, dan kemahiran berkaitan yang diperlukan untuk berfungsi secara optimum di peringkat global.

Seterusnya dalam bab dua menghuraikan Pedagogi Terbeza sebagai satu pendekatan pengajaran. Melalui Pedagogi Terbeza guru secara proaktif telah menjangkakan dan memberi respons terhadap keperluan murid yang pelbagai. Pedagogi Terbeza yang berpegang kepada prinsip mementingkan kesesuaian tugas dengan profil murid yang berbeza dari segi bakat dan kecenderungan harus dijadikan sebagai panduan dalam membimbing pembelajaran murid. Kegagalan guru memberi perhatian kepada bakat dan kecenderungan murid semasa merancang akan menghasilkan pengajaran yang tidak dapat menarik perhatian murid.

Dalam bab berikutnya, buku ini menghalakan perbincangan mengenai kaedah penilaian dan pentaksiran terkini dalam bidang pendidikan iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD merupakan satu kaedah yang diperkenalkan untuk mengukur proses perkembangan pembelajaran murid secara berterusan. Proses ini agak berbeza jika dibandingkan dengan peperiksaan yang hanya mengukur pembelajaran murid di hujung proses pembelajaran. PBD merupakan sebahagian daripada PdP dalam bilik darjah dan dilaksanakan secara berterusan yang melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap PdP dalam membuat pertimbangan secara konsisten ke arah penambahbaikan melalui PdP tersebut. Melalui PBD, guru perlu melakukan pentaksiran dengan mentadbir, menilai, memberi skor dan merekodkan pencapaian keseluruhan murid di peringkat sekolah. Justeru, bentuk pentaksiran PBD diharapkan akan melahirkan murid yang bermodal insan yang progresif, berdaya saing, inovatif, dan kreatif.

Bab keempat menjelaskan aspek Pemikiran komputasional sebagai antara komponen baharu yang diterapkan dalam pendidikan melalui semakan semula KSSR pada tahun 2017. Pemikiran komputasional ialah kemahiran asas bagi semua orang dan bukan sahaja bagi ahli sains komputer. Pemikiran komputasional membimbing murid untuk menyelesaikan masalah, mereka bentuk sistem, dan memahami tingkah laku manusia dengan menggunakan konsep asas sains komputer. Dalam hal ini pemikiran komputasional dapat menyusun, menganalisis dan mempersembahkan data atau idea secara logik dan sistematik. Terdapat empat konsep asas dalam Pemikiran Komputasional yang dijelaskan dalam bab ini iaitu Leraian (*Decomposition*), Pengecaman Corak (*Pattern Recognition*), Peniskalaan (*Abstraction*) dan Algoritma (*Algorithms*).

Bab kelima melihat pendidikan kontemporari dari sudut pembelajaran abad ke-21 sebagai kaedah pembelajaran dengan rujukan khusus terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Pembelajaran abad ke-21 dilihat sebagai pembelajaran dengan aplikasi dunia sebenar merangkumi cabaran dunia sebenar dan dunia digital iaitu pelajar boleh berkomunikasi dan belajar secara global. Idea asas dalam pembelajaran abad ke-21 ialah pelajar perlu diajar kemahiran yang berbeza daripada yang dipelajari oleh para pelajar pada abad ke-20, dan kemahiran yang mereka pelajari harus mencerminkan tuntutan khusus yang akan diberikan kepada mereka dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan, berdaya saing, berasaskan pengetahuan, era teknologi serta ekonomi dan masyarakat yang didorong oleh teknologi.

Seterusnya dalam bab keenam, perbincangan dihalakan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran Seni Berbahasa dengan menggunakan pendekatan Didik Hibur. Pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan didik hibur memerlukan proses pengintegrasian elemen Kemahiran Bernilai Tambah (KBT) yang melibatkan penggunaan bahan prosa dan bahan puisi sama ada melalui aktiviti bercerita, berlakon, bernyanyi dan berpuisi. Pemilihan strategi Didik Hibur dan pengintegrasian elemen Kemahiran Bernilai Tambah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu akan menjadikan pengajaran bertambah seronok dan bermakna. Hal ini seterusnya akan menjadikan murid memiliki keseimbangan dalam kemahiran-kemahiran bahasa secara berkesan melalui pelbagai kaedah dan strategi pengajaran.

Akhir sekali dalam bab ketujuh membincangkan isu kontemporari dalam pendidikan khususnya pendidikan bahasa Melayu iaitu mengenai tulisan Jawi. Tulisan Jawi sudah diperkenalkan dalam KSSR sejak tahun 2011 kepada murid Tahun 1. Pengenalan tulisan Jawi perlu juga dimasukkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah sebagai salah satu usaha untuk menangkis dan memperbetulkan persepsi masyarakat terhadap tulisan Jawi yang dianggap sebagai sinonim dengan agama Islam.

Oleh itu, diharapkan perbincangan dalam elemen-elemen terkini pendidikan yang disajikan dalam buku ini dapat membantu dan meningkatkan pemahaman para guru, pelajar, dan sesiapa yang memiliki buku ini. Penerbitan buku ini juga diharap dapat menyumbang kepada koleksi rujukan pelajar-pelajar di IPTA, IPTS, IPG dan pelbagai institusi pendidikan yang lain. Oleh itu pihak kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada komitmen semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menzahirkan buku ini termasuk pihak pentadbir IPG KBM, Penerbit IPG Kampus Bahasa Melayu, dan semua yang membantu dalam penghasilan buku ini.

Shamsul Aizuwani Nawati
2021

1

KAPASITI PEDAGOGI PEMBELAJARAN BERMAKNA *NEW PEDAGOGIES FOR DEEP LEARNING (NPDL)*

Shariza Said, PhD

Pengenalan


Sistem pendidikan yang lama didapati hanya memberi manfaat untuk sebahagian kecil murid iaitu murid yang bijak dan mendapat markah yang baik. Kajian mendapati guru-guru kurang berpuas hati dan kecewa dengan sistem pendidikan sedia ada (Willms, Friesen & Milton, 2009). Minat dan pelibatan dalam pembelajaran semakin menurun apabila murid prasekolah memasuki sekolah rendah dengan kadar penurunan 39 % (Jenkins, 2013). Kajian Jenkins (2013) menunjukkan pelajar sekolah menengah berasa bosan dengan pembelajaran. Dapatan kajian tersebut menunjukkan kurang 40% daripada pelajar mempunyai perasaan keterlibatan (*engaged*) dalam pelajaran. Beberapa kajian lain mendapati perkara yang sama seperti kajian Jenkins (2013) yang menunjukkan penurunan pelibatan murid dalam pembelajaran. Kebanyakan murid melibatkan diri dalam pembelajaran dengan tujuan untuk mendapat markah yang baik sahaja dan tiada rasa minat terhadap pelajaran. Berdasarkan permasalahan ini satu perbincangan secara global dilaksanakan dan hasilnya tercetus idea berkenaan pembelajaran bermakna.

Sistem pendidikan perlu diperbaharui dengan matlamat untuk memberikan kemahiran yang sejajar dengan perkembangan dunia pada abad ke-21. Pendidikan baharu ini diharapkan dapat menyediakan pelajar untuk menjadi kreatif dan mampu menyelesaikan masalah serta berkolaborasi yang akhirnya mereka berupaya menangani cabaran dunia masa kini. *New Pedagogies for Deep Learning* (NPDL) diperkenalkan pada tahun 2013 dengan tujuan merapatkan jurang antara pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pelajar yang diperoleh melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional. Tujuh negara terlibat dalam perkongsian kerjasama secara global dalam usaha mengaplikasikan NPDL. Negara-negara tersebut ialah Australia, Canada, Finland, Netherlands, New Zealand, Amerika Syarikat dan Uruguay yang melibatkan 1200 sekolah dalam pelaksanaan NPDL.

Konsep NPDL

'Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna' atau *New Pedagogies for Deep Learning* (NPDL) bermaksud satu model perkongsian pembelajaran baharu antara dan dalam kalangan pelajar serta guru yang bertujuan untuk mencapai matlamat pembelajaran yang mendalam melalui akses digital (Fullan & Langworthy, 2014). Kebanyakan elemen pengajaran pedagogi baharu bukanlah suatu strategi pengajaran yang 'baharu'. Elemen baharu ialah perkongsian pembelajaran aktif dengan pelajar. 'Pedagogi baharu' teretus daripada perkongsian pembelajaran yang wujud antara dan dalam kalangan pelajar dan guru apabila alat serta sumber digital berkembang dengan pesat (*pervasive*). Selain itu, 'kepimpinan perubahan baharu' turut menggabungkan tenaga pelbagai pihak seperti penggubal dasar, pemimpin, pelaksana, komuniti dan badan kerajaan serta bukan kerajaan untuk menghasilkan perubahan yang lebih cepat dan lebih mudah.

Pedagogi lama melibatkan penggunaan teknologi untuk menguasai kandungan pelajaran. Penekanan pedagogi lama ialah penguasaan kandungan yang diperoleh melalui pembelajaran yang berfokuskan pengetahuan kandungan. Pedagogi baharu pula memerlukan pelajar mencipta pengetahuan baharu dan menghubungkannya ke dunia dengan menggunakan alatan digital bagi mencapai pembelajaran bermakna. Guru dan pelajar bekerjasama untuk menghasilkan pembelajaran yang berhubungkait dengan kehidupan sebenar serta berusaha mencari penyelesaian masalah dalam dunia sebenar. Rajah 1.1 menunjukkan perbandingan antara pedagogi lama dengan pedagogi baharu.



Rajah 1.1 Perbandingan pedagogi lama dengan pedagogi baharu.

Pembelajaran Bermakna (*DEEP LEARNING*)

Pembelajaran Bermakna merupakan pembelajaran berkualiti yang akan kekal sebagai pengetahuan seseorang sepanjang kehidupan. Pembelajaran ini dapat meningkatkan pelibatan pelajar melalui keindividuan (*personalization*) dan kepunyaan (*ownership*). Pelajar dapat dihubungkan dengan dunia sebenar tanpa mengabaikan nilai murni dan aspek spiritual. Pelajar dapat membangunkan kemahiran, pengetahuan, keyakinan diri dan efikasi sendiri. Selain itu, pelajar dapat membina perhubungan dengan dan dalam kalangan pelajar, guru, keluarga dan komuniti. Pembelajaran bermakna dapat menggerakkan pelajar untuk berhubung dengan orang lain bagi melakukan perkara-perkara yang baik. NPDL mereka bentuk dan mengenal pasti pedagogi baharu untuk memudahkan perkembangan hasil pembelajaran yang mendalam melalui enam kompetensi (Fullan, Quinn & McEachen, 2018). Pembelajaran bermakna adalah proses memperoleh enam kompetensi global iaitu sahsiah, kewarganegaraan, kolaboratif, komunikasi, kreativiti dan pemikiran kritis. Kompetensi-kompetensi ini merangkumi elemen belas kasihan, empati, sosio-emosi, keusahawanan, dan kemahiran berkaitan yang diperlukan untuk berfungsi secara optimum di peringkat global.

Kompetensi Pembelajaran Bermakna - 6C

1. Sahsiah (*Character*)

- i. Mempraktikkan pembelajaran bermakna, memiliki sifat-sifat seperti kegigihan, ketabahan, dan daya tahan
- ii. Berupaya menjadikan pembelajaran sebagai sebahagian daripada kehidupan
- iii. Pandai membawa diri dalam kehidupan yang mencabar

2. Kewarganegaraan (*Citizenship*)

- i. Memiliki pemikiran global
- ii. Mempertimbangkan isu-isu global berdasarkan pemahaman yang mendalam tentang nilai-nilai dan pandangan dunia yang pelbagai
- iii. Menyelesaikan masalah dunia nyata yang rumit dan memberi kesan kepada kelestarian manusia dan alam sekitar

3. Kolaboratif (*Collaboration*)

- i. Mengaplikasikan kemahiran interpersonal dan berpasukan, saling bersinergi dan bergantung dalam kumpulan untuk penyelesaian masalah dan membuat keputusan bernas secara bersama.
- ii. Saling belajar dan menyumbang sesama ahli kumpulan

4. Komunikasi (*Communication*)

- i. Berkomunikasi dengan berkesan melalui pelbagai gaya, mod dan alatan termasuk alatan digital yang bersesuaian dengan audien yang pelbagai

5. Kreativiti (*Creativity*)


- i. Memiliki perspektif keusahawanan dari sudut ekonomi dan sosial, mengajukan soalan inkuiri yang tepat bagi menghasilkan idea-idea baharu
- ii. Memiliki daya kepimpinan bagi meneraju dan memacu idea-idea seterusnya bertindak berlandaskan idea yang kreatif

6. Pemikiran kritis (*Critical thinking*)

- i. Menilai maklumat dan hujah secara kritikal
- ii. Melihat pola dan perkaitan
- iii. Membina pengetahuan yang bermakna
- iv. Menerapkan pengetahuan yang bermakna dalam situasi sebenar

Rumusannya terdapat empat perkara yang menjadi asas kepada pembelajaran bermakna seperti dalam rajah 1.2 iaitu:

- a) Fokus kepada penciptaan dan penggunaan pengetahuan baharu dalam dunia sebenar berbanding hanya penyampaian pengetahuan sedia ada (*creation and use*)
- b) Kerjasama dengan rakan pembelajaran (*partnership*)
- c) Menjangkau luar kelas tradisional (*beyond traditional classroom*)
- d) Memacu dunia digital di mana-mana (*leverage digital ubiquitously*)



Rajah 1.2 Konsep pembelajaran bermakna

Komponen dalam NPDL

Sejak 40 tahun yang lalu terdapat tiga perkara utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang saling memerlukan satu sama lain tetapi bergerak secara bebas iaitu teknologi, pedagogi dan pengetahuan (Fullan & Langworthy, 2014). Teknologi digunakan bukan sahaja oleh guru tetapi oleh para pelajar sebagai sebahagian daripada pembelajaran. Pedagogi berubah terutamanya sejak kemajuan dalam bidang sains sekitar tahun 1970 yang mencetuskan idea untuk perubahan keseluruhan sistem.